

# IORA'

Bil. 7/2023  
JULAI



**Pameran Semarak Warisan Bangsa**  
PTAR 1 Shah Alam - muka 3

**Pertandingan Menulisa dan Mendeklamasi e-Sajak**  
PST Shah Alam - muka 6

**Majlis Kemuncak Kempen mydebit dan Pelancaran Program Kampus Digital**  
PSB Kedah - muka 7

**Outreach Yea Sayang Gi: Kembara Ilmu STEMSAS 2023**  
PTAR Jengka - muka 16

**Lawatan Pra Audit Engineering Technology Accreditation Council (ETAC)**  
PTAR Sarawak - muka 21

## PROMOSI@PTAR



# Sidang Redaksi

**PENASIHAT**

**Ts. Hj. Azizi Hj. Jantan**

**EDITOR**

**Pn. Shahidatul Akhmmam Rambeli**

**PENYELARAS**

**Pn. Asmah binti Sabtu**

**REKA BENTUK GRAFIK**

**Pn. Noor Azureen Abd Aziz**

Shah Alam	: Asmah Sabtu, Norazlin Mohd. Yusof, Nor Hafizah Md. Hanafiah, Rizana Mohd Radwan, Hanani Rojikin
Melaka	: Hazlin Ibrahim Khan, Siti Haidah Md Aziz, Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Khairil Izwan Hasan
Sabah	: Marlia Yuming, Alfera Zurhain Sairin
Kedah	: Mohd Amiruddin Mohd Nasir
Pulau Pinang	: Nor Azilawati Mohamad Azmi, Nurhayati Hassan
Kelantan	: Norfitriah Mat Seman, Rosmariyati Ab Rahman
Perak	: Muhamad Azim A'nsori, Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Hapsah Suut, Dyg Azimah Abg Yusof, Normah Saadie
Pahang	: Muniratul Husna Mohamad Zaki, Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: Mohd Shahnizam Mat Zain, Asmahani Abdullah, Nurmaisari Che Anuar
Johor	: Siti Rozana Mat Sanat, Nor Azelea Mohd Azahar
N. Sembilan	: Syaiful Hisyam Saleh, Mohd Hafiz Kasirun, Muhammad Syafiq Amirullah
Selangor	: Hafiza Mustape, Nur Fatihah Muhamad, Fatin Hanisah Ahmmad Rofee, Wan Rohani Wan Chin, Norliza Othman, Adi Azri Mohamad, Suzana Ishak, Nurkhairunisa Jaafar

**KEKERAPAN KELUARAN: 12 KELUARAN SETIAP TAHUN**

**PENERBIT**

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),  
Universiti Teknologi MARA,  
40450, Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.

# PAMERAN SEMARAK WARISAN BANGSA


3-31 JULAI 2023

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
SHAH ALAM



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia telah menganjurkan Pameran Semarak Warisan Bangsa pada 3 hingga 31 Julai 2023, jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang yang bertempat di Ruang Bicara, PTAR. Pameran Semarak Warisan Bangsa ialah pameran bahan manuskrip yang berkonsepkan bangsa Melayu dan nasionalisme.

Ianya mengandungi koleksi Manuskrip, Koleksi Kemerdekaan, Manuskrip Al-Quran Tulisan Tangan dan Karya Ulama' Perempuan Di Alam Melayu. Pameran ini adalah hasil kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Pustaka Al-Qardawi.





Program Jawi@UiTM anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Shah Alam telah berlangsung pada 7 Julai 2023 (Jumaat), jam 9 pagi hingga 11 pagi bertempat di Dewan Muktamar 1, Masjid Al-Wathiqubillah Tunku Mizan Zainal Abidin.

Timbalan Pengarah Kanan BHEI Ustaz Mohd Azri Aripin telah sudi menyempurnakan Perasmian Program Jawi@UiTM. Dalam ucapannya, Ustaz Mohd Azri telah menzahirkan penghargaan buat PTAR dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kerana bersama-sama menjayakan program Jawi@UiTM yang telah memasuki tahun ketiga penganjurannya. Tambahnya lagi, usaha bagi menjadikan BHEI sebagai hub tulisan Jawi di UiTM akan dapat direalisasikan dengan sokongan semua pihak yang turut mendukung visi dan misi yang sama iaitu menyebar luas dan memartabatkan tulisan Jawi.

Ketua Timbalan Pustakawan dan Menjalankan Tugas Ketua Pustakawan turut hadir sebagai tetamu kehormat dalam program ini. Program Jawi@UiTM telah berlangsung bermula 15 Jun 2023 sehingga 7 Julai 2023 menerusi aktiviti Pertandingan Penulisan Jawi, Forum Semarak Jawi, Klinik Jawi, Diskusi Jawi, program memuliakan Al-Quran (kios serahan Al-Quran lusuh/ rosak), pameran, kempen derma darah Pusat Darah Negara, reraui jualan buku Khazanah Fathaniyah, reraui cenderamata dan pameran Mobile Library PTAR.



# JADIKAN PERPUSTAKAAN “RUMAH KEDUA” MAHASISWA

12 JULAI 2023

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
SHAH ALAM



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) mengalu-alukan penglibatan pelajar dan pensyarah untuk menyumbang hasil kerja seni pelajar ke perpustakaan bagi tujuan penyimpanan, penyebaran dan pemuliharaan bahan.

Dalam ucapan sewaktu Majlis Perasmian Pameran Dokumentasi Art & Heritage Exploration Terengganu: Kairosclerosis yang berlangsung di ruang Galeri Perpustakaan Tun Abdul Razak, Ketua Timbalan Pustakawan dan Menjalankan Tugas Ketua Pustakawan Ts. Hj. Azizi bin Hj. Jantan menyatakan akan kepentingan hasil kerja seni pelajar dikumpul, disebar dan dipelihara di perpustakaan sebagai sumber rujukan buat generasi berikutnya.

Menurut beliau, UiTM Repositori Institusi atau lebih dikenali sebagai UiTM IR kini mempunyai 65,000 penerbitan warga UiTM akan dijadikan hub penyimpanan imej digital hasil seni pelajar memandangkan jenis bahan ini masih belum disimpan oleh perpustakaan. Tambahnya lagi, para pelajar harus menjadikan perpustakaan sebagai “rumah kedua” dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang mencambah daya kreativiti dan pengetahuan. Apatah lagi perpustakaan mempunyai pelbagai kemudahan yang diperlukan bagi menyokong sistem pembelajaran di universiti.

Pameran Dokumentasi Art & Heritage Exploration Terengganu: Kairosclerosis telah dirasmikan oleh Ketua Pengajian Seni Halus Profesor Madya Dr. Mumtaz binti Mokhtar di hadapan hampir 100 orang pelajar dan pensyarah Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Shah Alam. Pameran ini telah berlangsung selama tiga hari bermula 12hb Julai hingga 14hb Julai 2023 di PTAR.



# PERTANDINGAN MENULIS DAN MENDEKLAMASI e-SAJAK

12 JULAI 2023

Disediakan oleh: Muhammad Zaidie Bardan

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
SAINS & TEKNOLOGI, SHAH ALAM



12 Julai 2023 - Bersempena dengan inisiatif Perpustakaan Tun Abdul Razak PTAR Sains dan Teknologi dalam memperkasakan budaya membaca dikalangan Warga UiTM, PTAR PST telah berjaya menganjurkan Pertandingan Menulis dan Mendeklamasi E-sajak dimana pertandingan ini telah bermula dari tarikh 12 sehingga 21 Julai 2023

Objektif penganjuran pertandingan ini diadakan adalah bertujuan bagi meningkatkan kesedaran warga mengenai seni penulisan Sajak. Selain itu, aktiviti ini juga dapat melahirkan daya kreativiti berfokuskan penulisan dan meningkatkan kesedaran kepentingan membaca.



Suasana di Sepanjang Program Dijalankan

# MAJLIS KEMUNCAK KEMPEN MYDEBIT DAN PELANCARAN PROGRAM KAMPUS DIGITAL

4 JULAI 2023

Disediakan oleh: Hamidah Mohd

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH  
KAMPUS KEDAH



Merbok, 4 Julai 2023 – Kempen MyDebit merupakan anjuran bersama UiTM Cawangan Kedah dengan Payment Network Malaysia (PayNet) yang telah berlangsung mulai 1 Nov 2021 sehingga 30 Apr 2022. Program ini adalah bertujuan bagi menyokong transaksi tanpa tunai(cashless) di kalangan warga kampus UiTM Cawangan Kedah. Majlis penyerahan hadiah dan wang tunai kepada individu dan bahagian telah berlangsung pada 4 Julai 2023 di Dewan Perdana, UiTM cawangan Kedah. Seramai 33 individu, 2 syarikat dan 2 bahagian telah berjaya memenangi peraduan MyDebit.

Tahniah diucapkan kepada Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah yang telah berjaya memenangi hadiah utama iaitu wang tunai yang bernilai RM4,000.00 bagi peraduan MyDebit kategori bahagian. Majlis telah dirasmikan oleh Rektor UiTM Cawangan dan majlis telah diserikan dengan kehadiran Jawatankuasa Eksekutif Negeri UiTM Kedah.



# FINALIS KECEMERLANGAN OPERASI UiTM 2022

10 JULAI 2023

Disediakan oleh: Hamidah Mohd

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

KAMPUS KEDAH



Merbok, 10 Julai 2023 – Tahniah diucapkan kepada kumpulan ILHAM dari Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah kerana tersenarai sebagai finalis kecemerlangan operasi UiTM 2022 di dalam kategori pentadbiran/kewangan dengan inovasi perkhidmatan rujukan OKU "LOW VISION READER ASSISTANT" (EVIEW).

Inovasi ini dihasilkan adalah bagi membantu golongan kurang upaya penglihatan khususnya kategori Low Vision yang menghadapai masalah kesulitan membaca kerana penglihatan yang kabur dan bidang penglihatan yang terhad.

**KATEGORI AKADEMIK**

- FM-COURSE FILE INFORMATION SYSTEM (CFIS) 2.0: TAB SEHARAI SEMAK DOKUMEN (FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN)
- SISTEM E-MODERASI PENARAKHAN AKHIR (PDA) (UITM CAWANGAN PERAK)
- PROSEDUR PENGSELAUAN KREDIT (FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI)
- PROSES PENYEDIAAN LAPORAN AUDIT DALAM (UITM CAWANGAN NEGERI SEMERIAH)
- PENGURUSAN BAHAN ARKE: ARCHIVE MANAGEMENT SYSTEM (AMS) (PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK)
- I-SOURCE UiTM PRESS 2 U (UITM CAWANGAN KEDAH)
- FM-COURSE FILE INFORMATION SYSTEM (CFIS) 2.0: TAB SEHARAI SEMAK DOKUMEN (FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN)
- PROSES RELIQU KESIHATAN AWAL (FAKULTI PERLADANGAN & AGROTEKNOLOGI JASIN)
- PROSES AABDILAH: PROSEDUR PENDAURBASAN PROJEK PENYELEKUAN PROGRAM SARJANA (AAB& IFE) (ARSHAD AYUB GRADUATE BUSINESS SCHOOL)
- TATACARA PENGEDALIAN KES KESIHATAN MENTAL DI KALANGAN PELAJAR (FAKULTI SAINS KESIHATAN)
- E-PKSP (UITM CAWANGAN PAHANG)
- PROSES PELDURBASAN LATIHAN PRAKTIK FAKULTI PERAKAUNAN (FAKULTI PERAKAUNAN)

**KATEGORI PENTADBIRAN/KEWANGAN**

- PERKHIDMATAN RUJUKAN OKU (UITM CAWANGAN KEDAH)
- SISTEM PARCEL KOLEJ (UITM CAWANGAN PAHANG)
- PRUPAY (UITM KAMPUS PUNCAK ALAM)
- FM-HUMAN RESOURCE INFORMATION SYSTEM (HRIS)-SULIM 1.0 (FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN)

**KUMPULAN ILHAM**

HAMIDAH MOHD, NOOR AZLINA HAMZAH, MAT ASRI BAHAROM, OMAR ZAINOL, SHAZMIE HUZNİ MOHD SIDIK, MOHD AMIN ZAINOL, HASRIZAL MD HASAN.

Like and follow us  
 @perpustakaansultanbadlishah @uitmlibrary

# LAWATAN AKADEMIK SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUNKU SOFIAH, ALOR SETAR

20 JULAI 2023

Disediakan oleh: Hamidah Mohd

**BULETIN  
IQRA**

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH  
KAMPUS KEDAH



*Merbok, 20 Julai 2023 – Seramai 78 orang pelajar dan 6 orang guru pengiring daripada SMK Tunku Sofiah, Alor Setar telah terlibat di dalam lawatan akademik ke Perpustakaan Sultan Badlishah. Kunjungan lawatan akademik ini telah diberi taklimat ringkas oleh Pustakawan Kanan, Encik Mohd Amiruddin dan dibantu staf PSB seterusnya telah dibawa melawat setiap unit yang terdapat di dalam PSB.*

*Pelajar-pelajar sekolah yang hadir dalam lawatan ini adalah terdiri daripada pelajar tingkatan 5 yang masih belum jelas dan agak samar tentang program pengajian yang ditawarkan dan suasana pembelajaran yang perlu dihadapi. Lawatan tersebut bertujuan melihat suasana perpustakaan akademik dan mendapatkan maklumat berguna mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan Sultan Badlishah. Semoga lawatan ini, dapat memberi gambaran kepada pelajar-pelajar mengenai susana pembelajaran di IPTA.*



25 JULAI 2023

Disediakan oleh: Mohd Anuar Azmin



25 Julai 2023 (Selasa) – Perpustakaan Tengku Anis UiTM Cawangan Kelantan Kampus Kota Bharu (PTAKKB) telah mengadakan Program PTAKKB Mobile Libray bertempat di Laman UiTM Kampus Kota Bharu.

Objektif pameran ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan koleksi umum dan fiksyen yang terdapat di PTAKKB kepada warga UiTM Cawangan Kelantan Kampus Kota Bharu. Selain itu, pameran ini diadakan untuk mendekatkan hubungan antara pihak PTAKKB di unit perkhidmatan dengan pengguna perpustakaan dan memperkenalkan aplikasi "Mobile Apps" kepada warga UiTMCK Kampus Kota Bharu. Tambahan pula, pameran ini juga untuk menyokong gerakan budaya membaca dalam kalangan warga UiTMCK Kampus Kota Bharu sekaligus untuk meningkatkan statistik pinjaman PTAKKB.

Pameran ini terbuka kepada semua pelajar dan staf UiTM Cawangan Kelantan Kampus Kota Bharu. Selain daripada pameran, terdapat beberapa aktiviti lain iaitu peminjaman buku dan mempromosikan aplikasi "Mobile Apps" bagi warga UiTM yang belum memuat turun di dalam telefon mudah alih mereka.



# JOM SIHAT@PTAR UiTM CAWANGAN PULAU PINANG 2023

6 JULAI 2023

Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
KAMPUS PERMATANG PAUH, PULAU PINANG



**JOM SIHAT@PTAR**  
6 Julai 2023 | Khamis | PTAR UiTMCPP  
8.30 pagi - 4.00 petang

8.30 PG - SENAMROBIK  
9.00 PG - DERMA DARAH  
9.00 PG - PHYSIO MASSAGE  
10.00 PG - Read@UiTM: SESI PERKONGSIAN BUKU (Sports Injury Prevention)

**Senamrobik**  
6 Julai 2023 | Khamis  
8.30 pagi - 9.30 pagi  
Pusat di hadapan PTAR UiTMCPP

**Derma Darah**  
6 Julai 2023 | Khamis  
9.00 pagi - 3.00 petang  
Community Engagement, PTAR UiTMCPP

**Read@UiTM: Sesi Perkongsian Buku**  
6 Julai 2023 | Khamis  
9.00 pagi - 1.00 petang  
Dewan 1 Library Community Engagement, PTAR UiTMCPP

**Physio Massage**  
6 JULY 2023 | 9.00 AM - 4.00 PM  
Rate:  
Student RM1  
Staff RM2  
The Young  
With Regular Level & FTR  
See you there!

**PHYSIO MASSAGE**  
By Physio Student Association  
**JOM SIHAT@PTAR**

Perkhidmatan 'Physio Massage' oleh pelajar PHYTAS, UiTMCPP Kampus Bertam.

**Unit Kesihatan UiTMCPP**  
Anjuran Bersama  
UiTM de Ajaib PTAR UiTMCPP PHYTAS Unit Kesihatan UiTMCPP Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah

Pada 6 Julai 2023, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP) Kampus Permatang Pauh dengan kerjasama Physio Student Association (PHYTAS) Kampus Bertam, Unit Kesihatan UiTMCPP dan Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah telah mengadakan program Jom Sihat@PTAR. Program yang berlangsung pada jam 8.30 pagi ini merupakan salah satu platform perkongsian ilmu serta penyampaian informasi mengenai kesihatan kepada warga kampus.

Program telah dimulakan dengan acara senamrobik bertempat di parkir kenderaan berhadapan dengan bangunan perpustakaan dan dikendalikan oleh pelajar-pelajar PHYTAS, UiTM Kampus Bertam. Sesi yang berlangsung selama 1 jam ini telah disertai oleh 58 orang peserta yang terdiri daripada para pelajar, staf akademik dan staf pentadbiran UiTMCPP.

Program Jom Sihat@PTAR diteruskan dengan Program Read@UiTM: Sesi Perkongsian Buku bersama Encik Mohamad Hafiz Abu Seman, pensyarah Fakulti Sains Kesihatan, UiTMCPP Kampus Bertam. Beliau telah membuat perkongsian buku yang bertajuk "Sports Injury Prevention" oleh Profesor Roald Bahr dan Profesor Lars Engebretsen. Antara perkongsian yang telah disampaikan adalah kepentingan mengelak kecederaan serta cara mengurus kecederaan di dalam sukan.

Sementara itu, penyertaan bagi program derma darah turut menggalakkan. Dianggarkan seramai 50 orang peserta telah menderma darah bermula jam 9.30 pagi hingga 3.00 petang.

Program Jom Sihat@PTAR ini juga membawakan perkhidmatan Physio Massage oleh Physio Student Association (PHYTAS) UiTMCPP Kampus Bertam kepada pelajar dan staf UiTMCPP dengan kadar bayaran yang berpatutan. Seramai 49 orang warga UiTMCPP telah mendapatkan perkhidmatan pelbagai urutan yang diadakan di Bilik Raudah, PTAR bagi pelanggan lelaki dan Bilik Tayangan, PTAR bagi pelanggan wanita.

# SESI e-LATIHAN TAKLIMAT PENGGUNAAN BASIC NAS STORAGE: SYNOLOGY DISKSTATION DS920+

31 JULAI 2023

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

BULETIN

IQRA



PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN  
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU

Unit Arkib UiTM Cawangan Terengganu dengan kerjasama Bahagian Infostruktur, UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun dan Kuala Terengganu, telah melaksanakan Sesi e-Latihan Taklimat Penggunaan Basic NAS Storage: Synology Diskstation DS920+ secara atas talian (Google Meet) pada 31 Julai 2023, Isnin, yang lalu.

Sesi ini telah melibatkan Pengurus Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) yang dilantik sebagai pengurus rekod di unit/bahagian/jabatan masing-masing. Seramai 31 orang PRJ dan 49 orang PTRJ dari ketiga-tiga kampus UiTMCT telah menyertai sesi taklimat ini. Sesi yang bermula pada pukul 10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Encik Ahmad Wahyudi binti Mohd Lazim, Jurutera Sistem, Teliti Infotech Sdn Bhd.



Antara pengisiannya ialah perkongsian Hala Tuju Projek Digitalisasi: Projek Membudayakan Aplikasi Digital di UiTM Cawangan Terengganu (ProMADT) 2023 oleh En. Md Kamil bin Ibrahim (Pustakawan Kanan), yang juga merupakan Penyelaras Unit Arkib UiTMCT, selaras dengan objektif program iaitu mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan, capaian dan pengesanan rekod dengan tepat, cepat serta seragam, menyokong hasrat universiti ke arah pengurangan penggunaan kertas dalam urusan harian jabatan, di samping mewujudkan keseragaman pengurusan rekod dan dokumen. Selain itu, antara maklumat yang turut dikongsikan merangkumi tatacara penggunaan NAS Storage: Synology Diskstation DS920+, kepentingan untuk membudayakan pengurusan fail secara digital serta impak projek digitalisasi kepada setiap PTJ di UiTMCT.



# LIVE@PTAR BIBLIOTERAPI: HEALING BERSAMA BUKU

18 JULAI 2023

Disediakan oleh: Syaiful Hisyam Saleh

**BULETIN  
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
KAMPUS REMBAU, NEGERI SEMBILAN



Selasa, 18 Julai 2023, telah berlangsung program Live@PTAR anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau bertajuk Biblioterapi: Healing Bersama Buku yang dipancarkan secara langsung menerusi Facebook dan YouTube PTAR Kampus Rembau.

Program yang berlangsung selama dua (2) jam tersebut membicarakan tentang apa itu "biblioterapi" dan bagaimana ia boleh diterapkan sebagai salah satu usaha dalam menyembuhkan penyakit khususnya penyakit yang melibatkan psikologi dan emosi.

Program siaran langsung itu dikendalikan oleh moderator, Puan Aisyah Aqilah, pelajar latihan industri PTAR Kampus Rembau dan ditemani barisan panel-panel jemputan yang berkelayakan untuk mengupas topik tersebut termasuk Dr. Norshila Shaifuddin, Pensyarah Kanan Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik, UiTM Kampus Puncak Perdana dan Hjh. Hasnita Hj. Ibrahim, Pengurus Maklumat, Perpustakaan Digital BERNAMA. Kedua-dua panel merupakan ahli di dalam Persatuan Biblioterapi Malaysia (PERBIMA).

Pelbagai respon positif yang diterima rata-rata dari penonton di seluruh negara yang menyaksikan program ini secara langsung secara maya. Diharap program tersebut dapat memberikan manfaat kepada para penonton dan mencapai objektif pelaksanaan program seiring dengan usaha di bawah inisiatif Read@UiTM dalam mengalakkan budaya membaca di kalangan warga UiTM khususnya.



# PERTANDINGAN SENI KREATIF: "TEROMBA: PUISI TRADISIONAL NEGERI SEMBILAN"

11 JULAI 2023

Disediakan oleh: Syaiful Hisyam Saleh

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
KAMPUS SEREMBAN 3, NEGERI SEMBILAN

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban telah menganjurkan Pertandingan Seni Kreatif : "Teromba: Puisi Tradisional Negeri Sembilan" pada 11 Julai 2023 (10.00 pagi – 12.00 tgh hari) bertempat di Library Community Engagement (LCE) PTAR Kampus Seremban.

PTAR UiTM Kampus Seremban juga turut menjemput Persatuan PTAR Buddies dan Persatuan WARIS Adat Perpatih UiTM Negeri Sembilan sebagai penganjur bersama.

Pertandingan ini dianjurkan dengan tujuan mencungkil serta meraikan bakat-bakat seni kreatif dalam kalangan Staf Akademik/Staf Pentadbiran dan Pelajar UiTM, Kampus Seremban.

Peserta perlu menghasilkan karya puisi menggunakan dialek Negeri Sembilan mengikut kreativiti sendiri. Barisan Juri terdiri daripada YM Dr. Raja Mayang Delima Mohd Beta, pensyarah Kanan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) dan En. Abdul Fattah Abd Ghani, pensyarah Akademi Pengajian Bahasa. (APB)



# LAWATAN SAMBIL BELAJAR SMK TENGKU KUDIN

## 7 JULAI 2023

**BULETIN  
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
KAMPUS JENGKA, PAHANG

Disediakan oleh: Noor Azliza Aziz



Pada 7 Julai 2023 (Jumaat) pihak Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka, berbesar hati menerima lawatan sambil belajar anak-anak Orang Asli dari SMK Tengku Kudin Raub Pahang.

Lawatan ini dianjurkan Kelab Student Of Indigenous People UiTM Cawangan Pahang, dengan nama program Menuju Puncak. Lawatan ini terdiri daripada 30 orang pelajar dan 4 orang tenaga pengajar. Tujuan lawatan adalah untuk memberi pendedahan suasana pendidikan di peringkat universiti serta meningkatkan semangat anak-anak Orang Asli dari SMK Tengku Kudin Raub Pahang untuk terus menuntut ilmu.

Lawatan ini dapat menyokong SDG 4 : Quality Education serta SDG 17: Partnerships to achieve the Goal yang mana memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat.



# OUTREACH YEA SAYANG GI: KEMBARA ILMU STEMSAS 2023

8 JULAI 2023

Disediakan oleh: Noor Azliza Aziz

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

KAMPUS JENGKA, PAHANG



8 Julai 2023, jam 8.30 pagi hingga 2.30 petang telah menjalankan program Book Outreach Yea Sayang Gi: Kembara Ilmu STEMSAS 2023 anjuran bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Tembangau, Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Pos Iskandar (JPKK), Kelab Generasi Prihatin, Koordinator Program Pra Pendidikan Tinggi, Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2022/2023 UiTM Kampus Jengka dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej Sesi 2022/2023 UiTM Kampus Jengka. Program ini telah diadakan pada yang bertempat di Dewan Orang Ramai JPKK Kg. Pos Iskandar.

Program Outreach ini telah dirasmikan oleh YB Khaizulnizam bin Mohd Zuldin. Dalam program ini, beberapa aktiviti telah dijalankan, iaitu sukaneka, pameran hasil karya komuniti orang asli, UiTM dan sebagainya, bicara tokoh bersama Pengarah JAKOA Negeri Pahang, ceramah pra pendidikan tinggi oleh unit UiTM, sesi bersama JAKOA daerah, make over terminal ilmu "Yea Sayang Gi" dan pelancaran terminal ilmu serta pemberian 900 naskah buku sumbangan.



# LAWATAN AKREDITASI DARI LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA (LJM)

12 JULAI 2023

Disediakan oleh: Noor Azliza Aziz

**BULETIN  
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
KAMPUS JENGKA, PAHANG



Pada 12 Julai 2023, pihak perpustakaan terima menerima lawatan daripada para penilai daripada Lembaga Kejuruteraan Malaysia (Board Of Engineers Malaysia) sempena Lawatan Penilaian Akreditasi ETAC – Engineering Technology Accreditation Council untuk Diploma Kejuruteraan Awam – CEEC110.

Lawatan ini bagi melihat penyediaan bahan bacaan silibus dan sumber prasarana pembelajaran dan pengajaran (P&P) untuk Fakulti Kejuruteraan Awam hari ini ke Perpustakaan Al-Bukhari Uitm Pahang Uitm Cawangan Pahang.

Antara yg dibincangkan adalah melihat semula bahan bacaan silibus yg terkini yg perlu dikemaskini oleh FKA utk keperluan P&P serta penggalakan pelajar FKA ke Kelas Kemahiran Maklumat dan 'Research Packages' bagi memastikan mereka sentiasa menggunakan 'online databases' yg dilanggan oleh perpustakaan digunakan secara optimum.



# LAWATAN DARIPADA PELAJAR SEMESTER 1 DIPLOMA KOMUNIKASI & PENGAJIAN MEDIA

5 JULAI 2023

Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA



5 Julai 2023, Rabu – Unit Arkib, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka telah menerima lawatan daripada Pelajar Semester 1 Diploma Komunikasi & Pengajian Media (MC110), Fakulti Komunikasi & Pengajian Media. Seramai 4 orang pelajar Diploma Komunikasi & Pengajian Media (MC110) telah datang membuat lawatan ke Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka. Lawatan berpandu ini disampaikan oleh Encik Kamalrulamir bin Amat, Pembantu Pustakawan Kanan dan dibantu oleh Puan Suzaimy binti Senin, Pembantu Pustakawan Kanan. Pihak Unit Arkib amat mengalu-alukan kehadiran ke semua pelajar Diploma Komunikasi & Pengajian Media (MC110) ke Unit Arkib, PTAR UiTM Cawangan Melaka iaitu:

1. Daimatul Bi Asrohima binti Aziz
2. Sofia Adlina binti Hadi Effendy
3. Mohammad Zariman bin Buang
4. Ahmad Ezzul Hakimi bin Norman

Pelajar telah diberi penerangan cara untuk mendapatkan bahan arkib melalui Online Finding Archive (OFA). Mereka telah memilih tajuk kertas kerja mengenai Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan ingin membuat rujukan dan mendapatkan gambar Tun Dr. Mahathir bin Mohamad yang ada di Unit Arkib Cawangan Melaka. Mereka telah membuat permohonan melalui OFA dan gambar tersebut telah dijemelkan kepada salah seorang pelajar untuk dijadikan bahan kertas kerja mereka.



# PROGRAM OUTREACH: TAKLIMAT PELUPUSAN REKOD BERSAMA UNIT HAL EHWAL ISLAM, KAMPUS JASIN

13 JULAI 2023

Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA



13 Julai 2023, Khamis – Unit Arkib Cawangan, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka telah dijemput untuk menjadi penceramah bagi Program Outreach: Taklimat Pelupusan Rekod Bersama Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Taklimat ini telah dikendalikan secara bersempena selama 2 jam dan telah dibantu oleh Pembantu Pustakawan Kanan Encik Kamalrulamir bin Amat dan Pembantu Pustakawan, Encik Muhammad Izwan bin Ibrahim.

Taklimat ini telah disampaikan oleh penceramah Cik Ilya Nur Fateen binti Othman, Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Taklimat ini telah disertai oleh 9 orang dari beberapa bahagian di UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin iaitu Unit Hal Ehwal Islam yang menjemput Unit Arkib Cawangan Melaka dan turut disertai oleh wakil dari Pejabat Penolong Rektor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan Kolej, Pejabat Polis Bantuan dan Unit Kesihatan.

Objektif penganjuran taklimat adalah untuk:

1. Mengetahui asas pengurusan fail dan rekod secara teori.
2. Memberi kefahaman dalam tugas-tugas mengendalikan fail dan rekod.
3. Memberi kefahaman tentang keperluan pengendalian rekod sepetimana yang diperuntukkan di dalam Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629].
4. Menambah kefahaman tentang peruntukan perundangan lain yang berkaitan dengan pengurusan fail dan rekod.
5. Melaksanakan urusan sistem fail dengan sistematik mengikut piawaian dan prosedur pengurusan rekod yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia.
6. Mengaplikasi proses pengurusan rekod dengan betul mengikut standard dan panduan yang dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia.



## BRISK WALK CHALLENGE 2023: 10K STEP & READ@UITM

20 JULAI 2023

Disediakan oleh: Mohd Hilmi Mat Rosli

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA



MELAKA, 20 Julai 2023- PTAR UiTM Kampus Bandaraya dengan kerjasama Unit Kesihatan UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka telah menganjurkan program Brisk walk Challenge 2023:10K Step & read@UiTM menyusuri Sungai Melaka bermula dari Kolej Kediaman Tun Mamat UiTM KBM.

Program tersebut telah mendapat sambutan dalam kalangan warga UiTM Kampus Bandaraya Melaka iaitu daripada staf pentadbiran dan pensyarah. Peserta diberi beberapa tugas yang perlu diselesaikan di setiap "Chekpoint" untuk mendapatkan petunjuk kepada "Chekpoint" seterusnya.

Beberapa maklumat menarik berkaitan tempat- tempat dilalui oleh peserta antaranya Dataran Persahabatan Malaysia – China, Rumah Munshi Abdullah, Makam Hang Jebat dan Kubu Middleburg.



# LAWATAN PRA AUDIT ENGINEERING TECHNOLOGY ACCREDITATION COUNCIL (ETAC)

6 JULAI 2023

Disediakan oleh: Zuraida Abdul Karim

BULETIN  
IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
KAMPUS SAMARAHAN 2, SARAWAK



## LAWATAN PRA AUDIT AKREDITASI ENGINEERING TECHNOLOGY ACCREDITATION COUNCIL (ETAC)

6 Julai 2023 | Khamis  
PTAR UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan

6 Julai 2023 – Pengajian Kejuruteraan Elektrik UiTM Cawangan Sarawak (PKE UiTMCS) telah mengadakan Mesyuarat Persediaan Lawatan Panel Mock-Audit Akreditasi Engineering Technology Accreditation Council (ETAC) bagi Program Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) EE111/CEEE111 bertempat di UiTM Kampus Samarahan.

Bagi persedian tersebut juga satu Lawatan Mock-Audit akreditasi ETAC telah diadakan di PTAR Kampus Samarahan. Lawatan Mock-Audit akreditasi ETAC adalah di antara inisiatif yang terbaik bagi kemampanan persiapan untuk lawatan audit akreditasi ETAC yang sebenar. Ini adalah kerana para panel yang dijemput adalah berpengalaman sebagai panel audit sebenar ETAC yang telah sediakan oleh Unit Akreditasi Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK) UiTM Shah Alam.

PKE UiTM Cawangan Sarawak akan menghadapi lawatan akreditasi kali pertama oleh Engineering Technology Accreditation Council (ETAC) dari Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) pada Oktober 2023. Justeru, penambahbaikan serta persediaan sedang giat dijalankan di peringkat Pengurus Utama (PU) oleh PKE UiTM Cawangan Pulau Pinang serta keterlibatan Pengurus Pelaksana (PP) PKE UiTMCS bagi memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh badan akreditasi.





PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

IQRA'

# PROMOSI@PTAR



## MESTI BACA ! SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN 2023

### TOPIK :

- KEMERDEKAAN
- KENEGARAAN
- PATRIOTIK
- SASTERA



Aras 3 Lobi PTAR,  
UiTM Shah Alam


Customer Service Department,  
Tun Abdul Razak Library,  
UiTM Shah Alam

Like and follow us:  
[Facebook](#) [Twitter](#) [Instagram](#) [@perpustakaanuitm](#) [YouTube](#) [@uitmlibrary](#)


Unleashing Potentials  
Shaping the Future

Mesti Baca Sempena Bulan Kemerdekaan

proudly  
**MADE**  
in UiTM



**MobileApp@UiTM LIBRARY**  
<https://mobiletar.uitm.edu.my>



**MobileApp@UiTM Library**



Perpustakaan  
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

## Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,  
Bahagian Korporat dan Kolaborasi,  
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),  
UITM Shah Alam.

